



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	12/6/2011

## Gadai prinsip kerana DAP - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 11 Jun - Mur-syidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat didakwa sanggup menggadaikan perjuangan membentuk negara Islam dan hukum hudud kerana mahu bersekongkol dengan sekutu pembangkangnya DAP dan mendapat sokongan bukan Melayu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perubahan itu membuktikan Nik Abdul Aziz tunduk kepada Pengerusi DAP, Karpal Singh yang pernah menegaskan akan menentang pembentukan negara Islam Pas suatu ketika dulu.

Katanya, kesediaan Nik Abdul Aziz serta Pas untuk tunduk kepada pendirian DAP itu membuktikan parti yang kononnya berteraskan Islam itu kini berusaha untuk meman-

cing undi masyarakat bukan Islam di negara ini pada pilihan raya akan datang.

"Apabila DAP dan Karpal Singh tidak bersetuju dengan pendirian Pas, Nik Abdul Aziz telah menyemak semula Surah Al-Baqarah dan tiba-tiba selepas 30 tahun mendapati Negara Islam dan hukum Hudud boleh dibelakangkan dan diganti dengan Negara Kebajikan Pas.

"Nik Abdul Aziz sendiri berkata yang mendorong Pas ialah ketakutan orang bukan Islam kepada Negara Islam. Untuk kemenangan pilihan raya, ketakutan orang bukan Islam mesti dihilangkan dengan menggurukan perjuangan Islam Pas," katanya dalam entri terbaru bertajuk Kejatuhan Negara Islam Pas di <http://chedet.co.cc>, semalam.